

# Kesukarelawan PEMADAM UMS lawat SPCA Papar

UB 7.12.2018 B3

KOTAKINABALU: Seramai tujuh exco kesukarelawan kelab Mahasiswa PEMADAM UMS menjalankan Social Accuracy Programme pada 25 November 2018 bertempat di SPCA KK Rehabilitation & Adoption Center, Papar, Sabah.

Daripada tujuh ahli kelab menyertai program ini, dua ahli kelab di tempatkan di bahagian dapur, dua lagi bahagian laman dan selebihnya di bahagian rumah kucing untuk membersihkan tempat berkenaan.

Program ini bukan sahaja untuk aktiviti pembersihan atau kesukarelawan semata-mata. Namun, program ini juga adalah untuk mengeretkan silaturahim antara ahli.

Diharapkan dengan adanya program sebegini mahasiswa



## AHLI kelab PEMADAM di SPCA KK Rehabilitation & Adoption Center, Papar, Sabah.

dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa dalam program kesukarelawan.

Selain itu, program ini turut

memberi kesedaran akan kepentingan alam sekitar serta memberi perlindungan haiwan kepada haiwan terbiar kepada orang ramai.